

Soalan-soalan Lazim Pelarasan Tarif Baharu Bekalan Air Mulai 1 Februari 2024

1. Apakah yang dimaksudkan dengan pelarasan tarif baharu bekalan air?

- Pengumuman pelarasan tarif baharu bekalan air telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk pengguna di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan pada 17 Januari 2024.
- Untuk makluman, tarif bekalan air ini ditetapkan berdasarkan mekanisme penetapan tarif (*tariff setting mechanism* [TSM]) yang dibangunkan oleh SPAN bagi menetapkan tarif yang adil dan telus untuk industri perkhidmatan air di seluruh negara.
- Tarif air sedia ada perlu diselaraskan kerana kaedah penetapan tarif yang tidak seragam dengan struktur tarif dan kekerapan semakan tarif yang berbeza-beza dengan kadar tarif yang tidak dapat menampung kos operasi yang meningkat.

2. Bilakah tarif bekalan air baharu ini akan berkuatkuasa?

- Tarif bekalan air baharu ini akan berkuat kuasa pada 1 Februari 2024.

3. Mengapakah pelarasan kadar tarif air perlu dilaksanakan?

- Pelarasan tarif ini membolehkan Air Selangor membuat pelaburan berterusan bagi membina daya tahan dan kelestarian air, sekaligus memastikan kelangsungan perkhidmatan bekalan air demi kesejahteraan para pengguna di masa hadapan.

Ini akan memanfaatkan pengguna menerusi inisiatif-inisiatif berikut:

I. Loji Rawatan Air (LRA)

- Bekalan air berterusan melalui pembinaan loji rawatan air (LRA) baharu bagi meningkatkan margin rizab air kepada 20% pada 2030.
 - LRA Rasau Peringkat 1: Siap 2025
 - LRA Penyahgaraman Pulau Ketam: Siap 2026
 - LRA Rasau Peringkat 2: Siap 2028
 - LRA Labohan Dagang Fasa 2: Siap 2029

II. Program Penggantian Paip

- Program penggantian paip daripada 150km setahun kepada 300km setahun bermula 2024, dan kemudiannya 400km setahun bermula 2034. Ini membolehkan 5,000km paip usang dapat diganti dalam tempoh 15 tahun (2040).

III. Air Tidak Terhasil (NRW)

- Program Penggantian Paip juga akan mengurangkan kadar Air Tidak Terhasil (NRW) secara konsisten kepada 27.5% pada 2025 dan 23.5% pada 2030. Inisiatif NRW ini termasuk:
 - Penambahan 100 District Metering Zone (DMZ) setahun bagi mencapai liputan sebanyak 80% pada 2028.
 - Memperkenalkan Pressure Management Zone (PMZ) sebanyak 20 PMZ setahun.
 - Pemasangan alat-alat berteknologi tinggi seperti Pressure Transient Station dan Permanent Leak Noise Correlating Logger.

- Mempertingkatkan jumlah Leak Inspector daripada 187 orang kepada 261 orang pada 2024.

IV. Kerja-Kerja Menaik Taraf Aset

- Mempertingkatkan kerja-kerja pemuliharaan, peningkatan dan menaiktaraf aset Air Selangor seperti pembinaan kolam air, rumah pam dan pemasangan paip baharu di kawasan yang mengalami tekanan air rendah.
 - Untuk tahun 2024-2026, Air Selangor akan membaikpulih 9 kolam, 28 rumah pam, dan memasang paip baharu di 23 lokasi.
 - 34 LRA, 8 empangan dan 4 Off-River Storage pula akan dinaiktaraf untuk 3 tahun masing-masing.

V. Peningkatan Tahap Kualiti Air

- Mengekalkan tahap kualiti air pada tahap 99% piawaian KKM menerusi:
 - Mempertingkatkan kerja-kerja pencucian kolam air dan paip kepada 321 dan 11,833km masing-masing.
 - Penambahan pemasangan *online analyser* untuk memantau kualiti air sebanyak 190 buah kepada 300 buah dalam tempoh tiga tahun akan datang.

VI. Mempertingkatkan Customer Experience

- Menerusi strategi pemerksaan pelanggan (customer empowerment) bagi menggalakkan lebih banyak platform non-voice bagi memudahkan pengguna berkomunikasi.
- Menaiktaraf aplikasi Air Selangor dan portal aduan pengguna kepada “super app” dan “super web”.

4. Siapakah yang akan terlibat dengan pelaksanaan pelarasan tarif yang akan berkuatkuasa mulai 1 Februari 2024?

Pelarasan tarif yang akan berkuatkuasa mulai 1 Februari 2024 ini akan melibatkan semua pengguna di Selangor, Kuala Lumpur & Putrajaya di bawah kategori:

- Domestik (meter individu)
- Domestik (meter pukal)
 - i. Bangunan kediaman bertingkat tinggi
 - ii. Kuarters estet dan kuarters kerajaan
 - iii. Bangunan kediaman bertingkat tinggi dan kos rendah
 - iv. Komuniti berpagar
- Bukan domestik
 - i. Premis komersial dan industri
 - ii. Bangunan kerajaan
 - iii. Sekolah dan institusi pengajian tinggi awam
 - iv. Hospital kerajaan
 - v. Hospital swasta
 - vi. Perladangan dan perkebunan
- Rumah ibadat dan institusi kebajikan
- Perkapalan

5. **Berapakah kadar tarif air sebelum dan selepas pelarasan bagi Kategori Domestik, Bukan Domestik dan Kategori Khas yang telah diluluskan setakat 1 Februari 2024 bagi rumah/premis saya?**
 - Sila rujuk jadual kadar tarif air baharu untuk semua kategori yang diumumkan 18 Januari 2024 di laman sesawang Air Selangor.

6. **Mengapakah perlu adanya peningkatan tarif air semula bagi kategori BUKAN domestik?**
 - Pengguna Kategori Bukan Domestik akan mengalami kenaikan bil dalam julat RM0.40 hingga RM2.00 sebulan atau 1 sen hingga 7 sen sehari bagi penggunaan bulanan sebanyak 20m³ hasil daripada pengenaan caj elektrik. Caj elektrik yang dikenakan adalah pada kadar yang sama untuk semua kategori pengguna di mana kadar tersebut adalah berbeza-beza mengikut negeri iaitu dalam julat 2 sen hingga 10 sen bagi setiap meter padu.

7. **Mengapakah terdapat perbezaan kadar pelarasan antara Kategori Domestik dan Bukan Domestik ?**
 - Berdasarkan TSM yang dibangunkan oleh SPAN, struktur di bawah TSM terbahagi kepada 2 kategori utama iaitu Domestik (Meter Individu), Domestik (Meter Pukal) dan Bukan Domestik serta 3 kategori khas iaitu Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan, dan Perkapalan.
 - Setiap kategori mempunyai jalur dan komponen kos yang ditampung di bawah setiap jalur masing-masing.
 - Komponen tersebut termasuk OPEX (perbelanjaan operasi), CAPEX (Perbelanjaan modal), serta kos caj elektrik dan alam sekitar yang menyebabkan adanya perbezaan kadar pelarasan.

8. **Apakah kekerapan pelarasan kadar tarif air seperti ini akan dilaksanakan?**
 - Pada masa ini, kekerapan semakan tarif adalah berbeza-beza antara semua negeri di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan. Adapun begitu, usaha Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk mengimbangi tekanan peningkatan kos perkhidmatan kepada operator, pelarasan tarif air yang melibatkan kategori Bukan Domestik telah dilaksanakan mulai 1 Ogos 2022 sehingga 1 Januari 2023 secara berperingkat di seluruh Semenanjung Malaysia dan WP Labuan.
 - Susulan daripada pelarasan tarif air yang melibatkan kategori Domestik mulai 1 Februari 2024 pula, semakan tarif yang selanjutnya akan dilaksanakan secara komprehensif dan berkala melalui TSM iaitu setiap 3 tahun.

9. **Siapakah yang telah meluluskan pelarasan tarif baharu bekalan air ini?**
 - Pelarasan tarif air yang akan berkuatkuasa mulai 1 Februari 2024 ini telah dipersetujui bersama oleh semua YAB Menteri Besar dan Ketua Menteri dalam Mesyuarat Majlis Air Negara Ke-5 pada 31 Oktober 2023. Selanjutnya, ianya telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Disember 2023 untuk pelaksanaan.

10. Apakah tarif air sama di setiap negeri?

- Tidak. Kadar tarif air tidak boleh diseragamkan untuk setiap negeri disebabkan kos untuk operator air menawarkan perkhidmatannya serta keperluan pembangunan infrastruktur di negeri masing-masing adalah berbeza-beza.
- Di samping itu, hutang dan liabiliti terdahulu yang perlu ditanggung oleh operator masing-masing adalah juga berbeza-beza.

JADUAL KADAR TARIF AIR BAHARU

I. Kategori Domestik

Kategori	Jumlah Penggunaan	Tarif Semasa		Berkuat kuasa 1 Februari 2024			
		Kadar (RM/m ³)	Caj Minimum (RM)	Kategori	Jumlah Penggunaan	Kadar (RM/m ³)	Caj Minimum (RM)
Domestik	0 m ³ hingga 20 m ³	0.57	6.00	Domestik	0 m ³ hingga 20 m ³	0.65	6.50
	Melebihi 20 m ³ hingga 35 m ³	1.03			Melebihi 20 m ³ hingga 35 m ³	1.32	
	Melebihi 35 m ³	2.00			Melebihi 35 m ³	2.63	
Pukal Domestik (Kondominium)	Kadar Rata	1.38	173.00	Pukal Domestik (Kondominium)	Kadar Rata	1.68	173.00
Pukal Domestik (Estet/Kuarters Kerajaan)	Kadar Rata	1.00	12.00	Pukal Domestik (Estet/Kuarters Kerajaan)	Kadar Rata	1.68	16.80
Pukal Domestik (Kos Rendah)	Kadar Rata	0.80	35.00	Pukal Domestik (Kos Rendah)	Kadar Rata	0.98	35.00

II. Kategori Bukan Domestik dan Kategori Khas

Kategori		Berkuatkuasa 1 Ogos 2022		Kategori		Berkuatkuasa 1 Februari 2024	
Kategori	Jumlah Penggunaan	Kadar (RM/m ³)	Caj Minimum (RM)	Kategori	Jumlah Penggunaan	Kadar (RM/m ³)	Caj Minimum (RM)
Bukan Domestik	0 m ³ hingga 35 m ³	2.62	36.00	Bukan Domestik	0 m ³ hingga 35 m ³	2.70	36.00
	Melebihi 35 m ³	2.86			Melebihi 35 m ³	2.94	
Rumah Ibadah dan Institusi Kebajikan	Kadar Rata	0.58	6.00	Rumah Ibadah dan Institusi Kebajikan	Kadar Rata	0.66	6.60
Kapal	Kadar Rata	7.00	70.00	Kapal	Kadar Rata	7.08	70.80